KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## SABTU, 30 SEPTEMBER 2023

## LAPORAN HARIAN

JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

MALAYSIA MADANI

www.kpwkm.gov.my kpwkm

30/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **MANGSA LELAKI DIGESA TAMPIL BUAT LAPORAN, DAPATKAN BANTUAN** | |
| | https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/mangsa-lelaki-digesa-tampil-buat-laporan-dapatkan-bantuan-x8oeux1 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=h2JiE0yV7XY | YOUTUBE |
| | https://suarasarawak.my/kaum-lelaki-juga-mangsa-keganasan-rumah-tangga-seksual/ | SUARASARAWAK.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **KPWKM ARAH DOKUMENTASI LEBIH TERSUSUN SELEPAS SIASATAN 'BAYI DIRAMPAS'** | |
| | https://www.malaysiakini.com/news/680898 | MALAYSIAKINI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT DISARAN TUBUH PUSAT JAGAAN KOMUNITI** | |
| | https://www.dailyexpress.com.my/news/220764/kementerian-pembangunan-wanita-keluarga-dan-masyarakat-disaran-tubuh-pusat-jagaan-komuniti/ | DAILYEXPRESS.COM.MY |
| | https://www.dailyexpress.com.my/news/220749/set-up-care-centres-for-the-lonely-poor-yb/ | DAILYEXPRESS.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **NANCY: COMMUNITY LEADERS, VILLAGE CHIEFS TO AID VICTIMS OF DOMESTIC VIOLENCE, SEXUAL HARASSMENT** | |
| | https://www.theborneopost.com/2023/09/29/nancy-community-leaders-village-chiefs-to-aid-victims-of-domestic-violence-sexual-harassment/ | THEBORNEOPOST.COM |

30/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **KETUA MASYARAKAT PERLU TANGANI KES GANGGUAN SEKSUAL, KEGANASAN RUMAH TANGGA** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1014676/ketua-masyarakat-perlu-tangani-kes-gangguan-seksual-keganasan-rumah-tangga | HMETRO.COM.MY |
| | https://tvstv.my/2023/09/29/kpwkm-mohon-kmkk-ada-kuasa-tangani-isu-gangguan-seksual-keganasan-rumah-tangga-nancy/ | TVSTV.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/281587/berita/nasional/perkasa-skuad-waja-tangani-keganasan-terhadap-wanita---nancy | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.utusanborneo.com.my/2023/09/29/peranan-kmkk-diperkasa-bantu-lapor-tangani-isu-keganasan-rumah-tangga | UTUSANBORNEO.COM.MY |
| | https://www.thesundaily.my/local/nancy-shukri-community-leaders-tribal-chiefs-join-forces-to-empower-skuad-waja-PA11555813 | THESUNDAILY.MY |
| | https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2230099 | BERNAMA.COM |
| | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2230032 | BERNAMA.COM |
| | https://www.thesundaily.my/cerita/nancy-shukri-ketua-masyarakat-ketua-kaum-dilibatkan-untuk-perkasakan-skuad-waja-DA11555125 | THESUNDAILY.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **3,640 KES KEGANASAN RUMAH TANGGA** | |
| | https://suarasarawak.my/3640-kes-keganasan-rumah-tangga/ | SUARASARAWAK.MY |
| | https://www.newsarawaktribune.com.my/3640-domestic-violence-cases-first-eight-months/ | NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY |

30/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **NANCY: SARAWAK RECORDS THIRD HIGHEST DOMESTIC VIOLENCE CASES IN M'SIA FROM 2020-AUG 2023** | |
| | https://www.theborneopost.com/2023/09/29/nancy-sarawak-records-third-highest-domestic-violence-cases-in-msia-from-2020-aug-2023/ | THEBORNEOPOST.COM |
| | https://sarawaknews.com/sarawak-catat-2192-kes-keganasan-rumah-tangga-dari-2020-2023/ | SARAWAKNEWS.COM |
| | https://dayakdaily.com/domestic-violence-swak-ranks-third-nationwide-with-2192-cases-from-2020-to-aug-2023/ | DAYAKDAILY.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **PERTEMUAN MEMILUKAN ANTARA AIMAH DENGAN ANAK PEREMPUANNYA** | |
| | https://www.malaysiakini.com/news/680870 | MALAYSIAKINI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **INVESTING IN DREAMS: $100K SEED FUND EMPOWERS WOMEN ENTREPRENEURSHIP** | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/09/29/investing-in-dreams-100k-seed-fund-empowers-women-entrepreneurship | THESTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **MINISTRY ORDERS 'BETTER PAPERWORK' AFTER BABY-SNATCHING PROBE** | |
| | https://www.malaysiakini.com/news/680882 | MALAYSIAKINI.COM |

30/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **MANGSA BANJIR SYUKUR DAPAT PEMERIKSAAN KESIHATAN PERCUMA** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mangsa-banjir-syukur-dapat-pemeriksaan-kesihatan-percuma-439479 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **9 DIDAKWA CULIK WANITA INDONESIA, TUNTUT TEBUSAN RM540,000** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/09/29/9-didakwa-culik-wanita-indonesia-tuntut-tebusan-rm540000/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **LELAKI OKU RENTUNG, 189 PENGHUNI RUMAH PANJANG JULAU HILANG TEMPAT TINGGAL** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/lelaki-oku-rentung-189-penghuni-rumah-panjang-julau-hilang-tempat-tinggal/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/281491/edisi/sabah-sarawak/lelaki-oku-rentung-dalam-kebakaran-rumah-panjang-36-pintu | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/09/29/lelaki-oku-rentung-wanita-melecur-dalam-kebakaran-rumah-panjang/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-oku-rentung-dalam-kebakaran-rumah-panjang-36-pintu-439475 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=BYFxC-VQzIY | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=IMdDyEBpw2k | YOUTUBE |
| | https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/71945-oku-rentung-rumah-panjang-musnah-dalam-kebakaran | BERITA.RTM.GOV.MY |
| | https://suarasarawak.my/lelaki-oku-maut-rumah-panjang-terbakar/ | SUARASARAWAK.MY |

30/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **REMAJA BARU TAMAT SEKOLAH MENGAKU RABA KANAK-KANAK** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/09/29/remaja-baru-tamat-sekolah-mengaku-raba-kanak-kanak/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **MOHD HAMDAN MENGHARAPKAN ADA PENDERMA BUAH PINGGANG** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1014574/mohd-hamdan-mengharapkan-ada-penderma-buah-pinggang | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **WANITA HILANG DALAM KEBAKARAN TIGA RUMAH** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/09/1158808/wanita-hilang-dalam-kebakaran-tiga-rumah | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1014763/wanita-hilang-dalam-kebakaran-ditemui-maut | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/09/29/wanita-hilang-ditemui-rentung-dalam-kebakaran-di-pulau-ketam/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/281590/berita/semasa/wanita-hilang-dalam-kebakaran-tiga-rumah-di-pulau-ketam | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **3 WANITA CALON UTAMA HAKIM BESAR MALAYA YANG BAHARU, KATA SUMBER** | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/09/29/3-wanita-calon-utama-hakim-besar-malaya-yang-baharu-kata-sumber/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |

30/9/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **9 DIDAKWA CULIK WANITA INDONESIA, TUNTUT TEBUSAN RM540,000** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/09/9-didakwa-culik-wanita-indonesia-tuntut-tebusan-rm540000/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=Y4Un3jSlrOU | YOUTUBE |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sembilan-individu-didakwa-culik-wanita-warga-indonesia-439501 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **57.4 PERATUS KES PERTUSIS BABITKAN BAYI BAWAH USIA 12 BULAN** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1014596/574-peratus-kes-pertusis-babitkan-bayi-bawah-usia-12-bulan | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **DOKTOR MALAYSIA SELAMATKAN WARGA EMAS DALAM PESAWAT RAIH PUJIAN RAMAI** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/09/29/doktor-malaysia-selamatkan-warga-emas-dalam-pesawat-raih-pujian-ramai/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **KES EBIT LEW: BEBERAPA LAGI INDIVIDU AKAN DIAMBIL KETERANGAN** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/09/1014551/kes-ebit-lew-beberapa-lagi-individu-akan-diambil-keterangan | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/09/1158607/kes-ebit-lew-mondy-beberapa-lagi-saksi-diambil-keterangan | BHARIAN.COM.MY |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 9 INDIVIDU DIDAKWA CULIK WANITA WARGA INDONESIA | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 30 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



*Sembilan individu didakwa di Mahkamah Majistret Jenayah di Georgetown, semalam.* (Foto Mikail Ong/BH)

# 9 individu didakwa culik wanita warga Indonesia

## Tiada pengakuan direkodkan, 11 Disember sebutan semula kes

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof
zaky@bh.com.my

**Georgetown:** Sembilan individu didakwa di Mahkamah Majistret Jenayah, di sini semalam atas pertuduhan menculik wanita warga Indonesia yang juga isteri seorang kontraktor pada 7 September lalu.

Tertuduh, Mohamad Noor Shahrizuan Hashin, Tan Gim Chun, C Youganathan, Lok Wai Lun, Haffizan Samsudin, Noorazlin Mat Kasa dan Elaine Gooi Swee May, selain dua lelaki warga Indonesia, Yussuf Bahtiar serta Agong Laksono.

Terdahulu mereka tiba di mahkamah diiringi sepasukan polis daripada Bahagian Siasatan Jenayah Khas (D9) Ibu Pejabat Polis Kontinjen Pulau Pinang kira-kira jam 8.30 pagi.

Tertuduh berusia 29 hingga 41 tahun hanya mengangguk faham sejurus pertuduhan dibacakan jurubahasa, namun tiada pengakuan direkodkan dalam prosiding di hadapan Majistret Nadratun Naim Mohd Saidi.

### Tuntut wang RM540,000

Mengikut pertuduhan, mereka didakwa secara bersama menculik mangsa yang berusia 36 tahun dengan tujuan menuntut wang tebusan sebanyak RM540,000, di sebuah unit Pangsapuri Sri Aman, Paya Terubong, di sini kira-kira jam 7 pagi pada 7 September lalu.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 3 Akta Penculikan 1961 (Akta 365) dan dibaca bersama-sama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang 30 tahun sehingga maksimum 40 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Darrshini S Murgan, manakala semua tertuduh diwakili peguam, Chiang Kian Hong.

Tiada jaminan dibenarkan kerana kesalahan itu tidak boleh diikat jamin dengan mahkamah kemudian menetapkan 11 Disember ini bagi tarikh sebutan semula kes dan serahan dokumen.

Pada 22 September lalu, media melaporkan seorang wanita melalui detik menakutkan apabila diculik, dikurung dan diseksa selama 10 hari di sebuah rumah angkara suaminya yang dikatakan tidak membayar hutang.

Polis menerima laporan daripada seorang lelaki Indonesia di Balai Polis Kinrara, Selangor, mendakwa isterinya yang sedang bercuti di Georgetown, diculik sekumpulan individu tidak dikenali.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BEBERAPA INDIVIDU AKAN DIPANGGIL BANTU SIASATAN | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 30 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


### Kes gangguan seksual Ebit Lew

# Beberapa individu akan dipanggil bantu siasatan

**Kuala Lumpur:** Polis akan memanggil beberapa lagi individu bagi membantu siasatan dakwaan kes gangguan seksual dan fitnah membabitkan pendakwah bebas, Ebit Lew serta pempengaruh media sosial, The Mondy Tattoo dan Caprice.

Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay, berkata setakat ini pihaknya sudah mengambil 10 keterangan termasuk daripada tiga individu berkenaan.

"Ada lagi beberapa (individu) akan diambil keterangan untuk lengkapkan kertas siasatan.

"Ada perkara teknikal kita sedang tunggu, iaitu laporan forensik dan bila dah siap kita akan hantar kepada Jabatan Peguam Negara," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis serah terima tugas Pengarah Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik di Dewan Tan Sri Abdul Rahman Hashim, Pusat Latihan Polis (PULAPOL) di sini, semalam.

Sebelum ini, The Mondy dan Caprice membuat laporan polis berhubung gangguan seksual yang didakwa dilakukan seorang pendakwah bebas terhadap Mondy.

Ebit Lew atau nama sebenarnya, Ebit Irawan Ibrahim Lew kemudian membuat laporan penafian berserta laporan fitnah di Balai Polis USJ 8, Subang Jaya.

Pada 11 September lalu, media melaporkan The Mondy Tattoo mendakwa mengenai bantuan pendakwah bebas menerusi program *podcast* yang dikendalikan Caprice.

**Kes tafsir al-Quran**

Sementara itu berkenaan siasatan terhadap Ahli Parlimen Ipoh Timur, Howard Lee Chuan How yang didakwa mentafsir ayat al-Quran, Ayob berkata pihaknya dalam proses melengkapkan kertas siasatan kes itu.

Katanya, pada 26 September lalu pihak polis sudah mengambil keterangan beliau di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak pada jam 3.30 petang.

Katanya, dua laporan polis dibuat dan kes disiasat mengikut Seksyen 505 (c) Kanun Keseksaan serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

"Polis dalam proses lengkapkan kertas siasatan dan akan hantar pada Jabatan Peguam Negara (apabila selesai)," katanya.

Howard memohon maaf secara terbuka atas tindakan beliau memetik ayat al-Quran dalam satu video di laman media sosialnya, baru-baru ini.

Ahli politik itu berkata, beliau tidak berniat menyentuh sensitiviti masyarakat Islam, malah menyambut baik saranan Setiausaha Agung UMNO, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki berhubung perkara itu.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | 'AKU GAGAH MELAWAN KANSER' | | |
| HARI : | SABTU | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH : | 30 SEPT 2023 | M/SURAT : | 02 |
| TONE : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# 'AKU GAGAH MELAWAN KANSER'

***Doktor wanita tak sangka jadi atlet bina badan ketika dalam usaha perangi penyakit barah payudara***

Oleh Hafiz Ithnin
am@hmetro.com.my

Melalui pelbagai cabaran sepanjang menjalani rawatan akibat kanser, ketiga-tiga wanita ini bangkit semula melalui aktiviti sukan yang mereka gemari.

Kehebatan mereka di dalam dunia sukan masing-masing tidak boleh disangkal lagi selepas berstatus pemandiri kanser dan masih di bawah pemantauan.

Ada antaranya menjadi atlet bina badan yang sudah mengharumkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa. Lebih menarik dua daripada mereka mempunyai kerjaya sebagai doktor perubatan yang 'sado'.

## DR AISYAH ASMADI, 39.

Layak digelar doktor 'sado'. Bentuk badannya yang sasa sehingga berjaya merangkul pelbagai kejuaraan di peringkat nasional dan mengharumkan nama Malaysia di luar negara menerusi kejuaraan bina badan tidak dapat disangkal lagi.

Siapa sangka di sebalik bentuk fizikal yang tegap dan sudah meraih pelbagai kejayaan, wanita berusia 39 tahun itu sudah berstatus pemandiri kanser payudara sejak 10 tahun lalu.

Menyingkap permulaannya menghidapi kanser payudara pada 2006, ketika itu pemilik nama Dr Aisyah Asmadi masih menuntut di dalam bidang perubatan di International Medical University (IMU).

Dr Aisyah berkata, ketika mempelajari ujian pengesahan kanser tanpa disangka dirinya sendiri mempunyai penyakit itu.

"Sebagai pelajar perubatan saya sendiri amat terkejut apabila mendapati saya mempunyai kanser payudara. Memandangkan ketika itu adalah sesi pembelajaran," katanya.

Dr Aisyah dua kali disahkan menghidapi kanser iaitu pada 2006 dan 2011. Kali pertama ketika masih menjadi pelajar dan kali kedua, ketika sudah menjadi doktor perubatan di Sabah.

Jelasnya, sepanjang disahkan menjadi pesakit kanser dia menjalani pelbagai rawatan termasuk perlu berdepan dengan prosedur pembedahan.

"Menjadi pesakit kanser bukan sesuatu perkara yang mudah. Saya bukan sahaja perlu merasa kesakitan akibat penyakit itu, malah kesakitan proses rawatannya tidak boleh digambarkan dengan kata-kata.

"Malah, kesihatan mental turut terjejas. Saya merasakan segala-galanya amat sakit. Namun, saya tidak terus tenggelam dengan situasi itu dan cuba bangkit dengan melakukan aktiviti kecergasan," katanya.

Katanya, episod dia menjadi seorang atlet bina badan adalah sesuatu yang tidak disangka-sangka kerana pada mulanya dia hanya ke gimnasium untuk mengembalikan stamina selepas melalui pelbagai episod sukar sebagai seorang penghidap kanser.

"Ketika di gimnasium, bakat saya mula dihidu oleh jurulatih saya iaitu Zack Ermi Zulkifli yang melihat saya mempunyai potensi di dalam sukan bina badan.

"Pada 2015 saya menyertai kejohanan bina badan pertama, *Women Physique and Fitness Men of Steel*. Saya mendapat tempat ketiga!," katanya.

Sejak itu, Dr Aisyah tidak lagi memandang belakang di dalam sukan berkenaan dan menyertai pelbagai kejohanan bina badan.

Paling tidak dapat dilupakan pastinya pada tahun lalu, dia berjaya mendapat tempat ketiga menerusi kejohanan bina badan antarabangsa, Nabba International 2022 di United Kingdom.

Meskipun dia sudah mencipta pelbagai kejayaan di dalam sukan yang disertai, Dr Aisyah berkata, kesan akibat kanser masih dirasai terutama membabitkan kesihatan mental.

Katanya, paling serius dia mengalami tekanan pada 2019 sehingga 2020. Dia perlu mendapatkan rawatan daripada pakar di dalam bidang kesihatan mental.

"Lebih memberi tekanan, saya mendapat penyakit jantung kesan daripada jangkitan Covid-19 iaitu Covid Myocarditis.

"Bagaimanapun saya cepat bangkit daripada segala masalah kesihatan yang dialami menerusi aktiviti kecergasan yang dilakukan. Aktiviti ini memberi kelebihan kepada saya kerana merasakan ingin terus berjuang di dalam sukan bina badan yang amat saya gemari," katanya.

Bagi Dr Aisyah, pelbagai latihan sukar sudah dilalui untuk mencapai ke peringkat terbaik di dalam sukan itu dan masalah kesihatan perlu cepat diselesaikan untuk dia kembali melakukan aktiviti kecergasan yang digemari.

"Kini saya dalam persiapan untuk kejohanan Dunia, NABBA Universe 2023, yang berlangsung di United Kingdom pada Oktober ini," katanya yang kini mengalas tugas sebagai perunding perubatan kecergasan.



DR Aisyah sentiasa komited ketika berlatih.



DR Aisyah berjaya dalam pelbagai pertandingan bina badan tempatan dan antarabangsa.



> "Saya cepat bangkit daripada masalah kesihatan menerusi aktiviti kecergasan
> Dr Aisyah

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DUGAAN TIBA BERTUBI-TUBI | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 30 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# DUGAAN TIBA BERTUBI-TUBI

*Sangka mata kabur kerana rabun rupa-rupanya hidap darah tinggi, sakit buah pinggang tahap 5*

Oleh Siti Rohana Idris
am@hmetro.com.my

**Tumpat**

Segalanya berlaku secara mengejut apabila pemeriksaan mata kerana rabun rupa-rupanya ia adalah simptom kepada penyakit darah tinggi yang tidak pernah disangkanya.

Paling mengejutkan Mohd Hamdan Mohd Daud, 28, apabila pemeriksaan lanjut di hospital mendapati bapa kepada seorang cahaya mata itu menghidap penyakit buah pinggang tahap lima.

Mohd Hamdan berkata, semua berita duka itu sangat mengejutkannya dan keadaan semakin meruncing apabila dia mengambil keputusan berhenti kerja sebagai tukang masak di sebuah premis kedai makan di Kota Bharu apabila kerap mengambil cuti sakit.

"Awal tahun ini saya membuat pemeriksaan mata kerana penglihatan menjadi rabun secara tiba-tiba dan doktor memberitahu terdapat satu ketulan di belakang kornea mata yang berkait dengan darah tinggi.

"Saya terkejut kerana selama ini tidak pernah tahu ada menghidap sakit darah tinggi dan lagi mengejutkan apabila pemeriksaan lanjut yang dilakukan mendapati saya turut menghidap sakit buah pinggang kronik.

"Kedua-dua berita itu sangat mendukacitakan saya kerana sudah pasti akan mempengaruhi rutin harian, sekali gus menyebabkan saya tidak dapat bekerja menyara anak dan isteri lagi," katanya ketika ditemui di rumah mentuanya di Kampung Teluk Jering di sini.



CHE Norhayati (kiri) hadir menyampaikan bantuan makanan asas serta wang zakat untuk kegunaan Mohd Hamdan yang menghidap penyakit buah pinggang tahap lima ketika ditemui di rumahnya di Kampung Teluk Jering, Tumpat.

Mohd Hamdan berkata, setiap kali berjumpa doktor, dia tidak pernah lupa bertanyakan bagaimana keadaan kesihatannya dan seperti biasa, jawapan yang diterima sudah dijangka iaitu keadaan buah pinggangnya tidak akan pulih.

Katanya, keajaiban mungkin akan berlaku jika ada penderma buah pinggang namun ia agak berisiko.

"Saya dan isteri ada berbincang mengenai perkara ini (pembedahan derma buah pinggang) tapi menemui jalan buntu.

"Jika isteri bersedia untuk menderma buah pinggangnya, kami risau berlaku sesuatu ke atasnya dan siapa yang akan menguruskan anak lelaki kami yang baru berusia dua tahun," katanya.

Mohd Hamdan perlu membuat rawatan dialisis tiga kali seminggu di pusat dialisis di bandar Tumpat dan nasibnya agak baik kerana kos itu dibiayai Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Menurutnya, hanya kos ubat sahaja yang perlu ditanggung sendiri dan kadang-kadang ia agak membebankan berikutan sumber pendapatan mereka hanya bergantung kepada isteri, Fatihah Mohd Rozali, 24, yang mengambil upah cucuk sate dengan bayaran RM35 sehari.

"Bagaimanapun, bukanlah setiap hari isteri bekerja kerana jika hari saya perlu menjalani dialisis, dia yang membonceng saya dengan menunggang motosikal buruk kami.

"Catu makan minum sudah biasa bagi kami kerana perlu mendahulukan rawatan serta ubat saya dan dibantu juga oleh ibu mentua dengan menyara hidup membuat kuih-muih dan diletakkan di kedai kopi," katanya yang baru menerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berjumlah RM500.

Terdahulu mereka menerima kunjungan badan bukan kerajaan (NGO) Cempaka Merah Asnaf Society yang diwakili pengerusinya, Che Norhayati Mohamed yang hadir memberi bantuan makanan asas serta wang zakat.

Bagi yang ingin membantu, boleh menghubungi Mohd Hamdan di talian 019-9742230.



MOHD Hamdan menunjukkan tapak fistula untuk rawatan dialilis di lengannya sambil diperhatikan isterinya, Fatihah.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PEMBULI BAKAR SEMANGAT WANITA TURUN BERAT BADAN 80KG | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 30 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Pembuli bakar semangat wanita turun berat badan 80kg

**Kuala Lumpur:** Hanya kerana berbadan besar, Nur Dini Nabila Ezam, 22, diberi gelaran gergasi oleh rakan di sekolah.

Malah, Dini yang mempunyai berat 150 kilogram (kg) pada ketika itu turut menjadi mangsa buli dan ejekan hingga tidak bersemangat ke sekolah.

"Saya sebenarnya simpan perkara ini sebagai rahsia. Kiranya orang yang baru kenal memang tak tahu dulu saya macam mana. Cuma kawan, rakan sekolah mungkin kenal. Apa yang saya tak kena masa di sekolah.



Saya dibuli sebab gemuk, kena ejek sampai 'down' tak nak pergi sekolah dan macam-macam lah. Size baju susah nak cari.

"Setiap kali cari baju mesti terpaksa beli mahal sebab baju besar-besar harga semua mahal. Pergi mana-mana mesti orang akan tanya 'tak nak ke kurus'. Siapa tak nak kurus cantik. Sedih sangat kalau pergi mana-mana orang tanya macam tu dan tengok tengok diri kita. Setiap hari nangis pada mak dan ayah, tanya kenapa saya tak kurus macam orang lain," katanya kepada Harian Metro.

Menurutnya, dia nekad untuk menurunkan berat badan selepas tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada 2019 dan kini memiliki berat 70kg.

Dini berkata, dia mengamalkan gaya hidup dan pemakanan sihat selama empat tahun.

"Habis SPM memang saya senyap lama dari media sosial. Sebab masa itu konon nak 'glow up'. Apa saya buat, setiap hari saya bersenam dan paksa diri ke arah itu. Sebab sedih setiap kali kena ejek.

"Selain senaman, perkara yang paling klise kita dengar kalau nak kurus adalah kurangkan kalori. Ini paling utama sekali. Ya, saya makan sikit saja tapi kerap. Selain itu saya tidak ambil makanan dan minuman bergula. Saya dah berapa tahun tak minum manis sampai sekarang. Rutin saya, saya memang kawal secara disiplin bab pemakanan," katanya.

Menurutnya, dia berharap mereka yang senasib dengan dirinya dan dalam proses menurunkan berat tidak mudah berputus asa.

"Saya cuma harap mereka yang 'plus size' comel-comel ni tak putus asa dengan proses diet ini. Buktikan pada orang yang suka membuli tu kalau badan besar boleh kurus. Kalau mulut memang tidak ada insurans suka mengejek dan membuli ni susah nak ubah. Jangan putus asa dengan apa kita buat.

**"Terima kasih untuk kata-kata yang pernah mengguris hati saya. Saya akan ingat sampai bila-bila"**

"Saya bermula dengan berat 150kg hampir 200kg, tapi saya dah berjaya buktikan pada semua orang yang pernah buli saya dulu yang saya berjaya kurus. Terima kasih untuk kata-kata yang pernah mengguris hati saya. Saya akan ingat sampai bila-bila kerana dengan kata-kata yang negatif itu lebih memberi semangat kepada saya untuk saya meneruskan perjalanan ini," katanya.



| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SEGERA TERIMA KENYATAAN UNTUK BANGKIT SEMULA | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 30 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

**DR SYAZANA ALIA SABRUDIN, 37.**

# Segera terima kenyataan untuk bangkit semula



Amat dikenali kerana mempunyai tubuh yang sasa, maskulin dan boleh melakukan pelbagai aktiviti kecergasan setanding lelaki.

Namun, tidak disangka ia adalah simptom Dr Syazana Alia Sabrudin mempunyai kanser adrenal yang jarang berlaku.

Jelasnya, akibat kanser itu menjadikan hormon androgen dan testoren dalam dirinya meningkat secara drastik.

Sekali gus memberi memberi stamina yang cukup baik dalam aktiviti kecergasan.

Bagaimanapun, bagi penghidap kanser adrinal yang tidak menjalankan gaya hidup aktif mereka akan mengalami masalah emosi tidak stabil, tekanan darah tinggi dan kenaikan berat badan yang mendadak.

Katanya, di dalam sejarah keluarga ibu dan datuk adalah pesakit kanser. Jadi dia mengakui berpotensi penyakit sama boleh berlaku ke atas dirinya.

Namun tidak pada usia 33 tahun dah bukan kanser adrenal kerana ia jarang berlaku.

"Pada Disember 2019, saya mengalami sakit perut dan dirujuk ke bahagian kecemasan di hospital. Ketika itu saya disyaki mempunyai ketumbuhan.

"Selepas pembedahan mengeluarkan ketumbuhan berkenaan pada 14 Januari 2020, keputusan biopsi mengesahkan saya menghidap kanser adrenal," katanya.

Jelasnya, cabaran yang paling besar setelah memulakan ubat kemoterapi. Setiap kanser mempunyai rawatan tersendiri.

"Jadi cabaran setiap pesakit kanser berbeza antara satu sama lain. Biarpun saya mengamalkan gaya hidup yang aktif dan sihat sebelum ini, saya tetap terkesan secara emosi dan fizikal sepanjang tempoh rawatan.

"Saya mengalami kemurungan yang mengganggu kualiti hidup saya. Jujurnya, saya mengambil masa yang agak lama untuk menerima kenyataan saya seorang penghidap kanser," katanya.

Menurutnya, sebagai pegawai perubatan akhirnya dia mengambil keputusan berjumpa kaunselor dan pakar psikiatri untuk mendapatkan rawatan lanjutan.

"Saya merasa pilih yang tepat untuk berjumpa pakar di dalam kesihatan mental walaupun saya seorang doktor perubatan profesional. Mereka banyak membantu saya. Selain itu, sokongan keluarga dan kawan-kawan amat penting untuk kembali pulih," katanya.

Menurutnya, meskipun kanser memberi kesan kepada mental dan fizikal diri, perkara paling utama adalah menerima kenyataan dan cepat untuk bangkit semula.

Jelasnya lagi, secara jujur ada kala saya merasa kecewa tidak dapat mencapai tahap kecergasan seperti dulu.

Selepas beberapa lama, dia mengubah pemikiran untuk tidak membandingkan tahap kecergasannya sebelum dan selepas sakit.

"Kini saya membandingkan pencapaian saya sejak awal disahkan mempunyai kanser dan sekarang menjadikan diri lebih gembira.

"Saya menanam motivasi setiap langkah dilakukan tiada yang sia-sia di dalam hidup ini tanpa mengira pada peringkat apa apa sekali pun," katanya.

Katanya, jika seseorang itu mengamalkan gaya hidup yang sihat dan aktif, lebih cepat untuk dia bangkit semula. Sepanjang kita aktif bersukan misalnya, kita melatih ketahanan fizikal dan mental.

"Jadi apabila sakit dan ingin bangkit semula, saya perlu bersabar dan percaya dengan memori otot yang sudah dilatih sebelum disahkan menghidap kanser," katanya.

Tambahnya, selepas dua tahun menjalani rawatan kini sudah tiga tahun dia berstatus pesakit yang tidak mempunyai gejala kanser.



GAYA hidup sihat membantu Dr Syazana terus kuat melawan kanser.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SEMBILAN DITUDUH | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 30 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |




SEMBILAN individu berdepan pertuduhan menculik wanita warga Indonesia yang merupakan isteri seorang kontraktor pada 7 September lalu di Mahkamah Majistret, semalam. - Gambar NSTP/MIKAIL ONG

## PENCULIKAN WANITA INDONESIA ISTERI KONTRAKTOR

# SEMBILAN DITUDUH

Oleh Siti Aminah Mohd Yusof
am@hmetro.com.my

**Georgetown**

Sembilan individu didakwa di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas pertuduhan menculik wanita warga Indonesia yang juga isteri seorang kontraktor pada 7 September lalu.

Tertuduh Mohamad Noor Shahrizuan Hashin, Tan Gim Chun, C Youganathan, Lok Wai Lun, Haffizan Samsudin, Noorazlin Mat Kasa; seorang wanita, Elaine Gooi Swee May selain dua lelaki rakyat Indonesia yang bernama Yussuf Bahtiar dan Agong Laksono.

Terdahulu mereka tiba di pekarangan mahkamah dkira-kira jam 8.30 pagi dengan diiringi ketat oleh polis.

Semua tertuduh berusia 29 hingga 41 tahun terbabit hanya mengangguk tanda faham sejurus pertuduhan dibacakan jurubahasa namun tiada pengakuan direkodkan dalam prosiding di hadapan Majistret Nadratun Naim Mohd Saidi.

Mengikut pertuduhan, mereka didakwa secara bersama menculik mangsa yang berusia 36 tahun dengan tujuan menuntut wang tebusan sebanyak RM540,000 di sebuah unit Pangsapuri Sri Aman, Paya Terubong di sini, kira-kira jam 7 pagi pada 7 September lalu.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 3 Akta Penculikan 1961 (Akta 365) dan dibaca bersama-sama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang 30 tahun sehingga maksimum 40 tahun dan sebatan jika sabit kesalahan.

Kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Darrshini S Murgan manakala semua tertuduh diwakili peguam Chiang Kian Hong.

Tiada jaminan dibenarkan kerana kesalahan itu tidak boleh diikat jamin dengan mahkamah kemudian menetapkan 11 Disember ini bagi tarikh sebutan semula kes dan serahan dokumen.

**»INFO**

*Mengikut pertuduhan, mereka didakwa secara bersama menculik mangsa berusia 36 tahun dengan tujuan menuntut wang tebusan RM540,000 di unit Pangsapuri Sri Aman, Paya Terubong.*

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TAK PERNAH FIKIR BARAH AKAN JADI PENAMAT RIWAYAT | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 30 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

NORAN NAJMI ROSMI, 42.

# Tak pernah fikir barah akan jadi penamat riwayat

"Pada mulanya apabila disahkan menghidapi kanser limfoma. Reaksi masih lagi tertanya-tanya. Tiada perasaan sedih, tetapi merasa seakan tidak percaya," kata wanita berusia 42 tahun itu.

Dia merasakan penyakit itu seperti mustahil berlaku ke atas dirinya kerana dia menjalankan gaya hidup sihat dan aktif melakukan pelbagai sukan lasak antaranya berlari denai sehingga berjarak ultra.

Sejak berkahwin pada 2005, dia adalah seorang isteri dan ibu yang amat menyukai aktiviti lasak seperti mendaki, berbasikal gunung, menyertai pelbagai acara larian dan berbasikal kembara.

Sehinggalah pada penghujung 2020 ketika melakukan aktiviti berbasikal dia merasakan cepat letih dan dahaga.

Ketika makan pula dia merasakan seperti tersangkut makanan di tekak.

Akhirnya dia membuat pemeriksaan dan disahkan mempunyai ketumbuhan di dada yang memerlukan pembedahan.

Selepas proses pembedahan itu dilakukan, dia mula didapati mempunyai kanser limfoma iaitu primary mediastinal large B cell lymphoma.




AKTIVITI perlumbaan larian denai menjadi minat Najmi.

> *Dalam tempoh menjalani rawatan itu, saya juga tidak boleh menafikan rasa bersyukur kerana mempunyai sistem sokongan yang amat kuat daripada keluarga terutama suami, ibu dan ibu mentua saya"*
>
> **Najmi**

Dia yang lebih mesra disapa Najmi berkata, selama setahun dia menderita ketika melakukan pelbagai prosedur rawatan untuk melawan kanser itu.

"Paling tidak dapat dilupakan ketika kali pertama saya melakukan kemoterapi. Rambut saya semuanya luruh. Kesan ubat pula menyebabkan badan menjadi begitu lemah.

"Apatah lagi, dari segi emosi begitu sukar untuk melawan rasa sakit yang dihadapi. Ketika menjalani rawatan baru saya menangis kerana perlu menahan kesakitan," katanya.

Ketika ini Najmi berstatus pesakit kanser pengurangan atau kehilangan untuk sementara gejala utama dan masih di bawah pemantau tetapi berada pada tahap stabil memandangkan badannya boleh menerima rawatan yang diberikan.

Katanya, ketika berdepan dengan cabaran melakukan rawatan dia tidak boleh mendengar atau membaca perkara negatif.

"Tambahan ketika itu Covid-19 berlaku. Saya menjadi seorang yang tidak mahu tahu mengenai perkara yang negatif kerana merasakan ia sesuatu yang boleh mengganggu emosi.

"Dalam tempoh menjalani rawatan itu, saya juga tidak boleh menafikan rasa bersyukur kerana mempunyai sistem sokongan yang amat kuat daripada keluarga terutama suami, ibu dan ibu mentua saya. Mereka adalah insan yang banyak memberikan kata-kata semangat," katanya.

Jelasnya, motivasi terbesar ketika melalui detik sukar itu adalah dia ingin kembali melakukan aktiviti lasak yang sudah sebati dengan jiwanya.

"Saya tanamkan dalam diri untuk sihat cepat kerana ingin berbasikal kembara, menyertai acara berbasikal dan berlari.

"Sedikit pun saya tidak fikir mengenai penyakit ini akan menamatkan riwayat saya kerana saya fikir perkara yang ingin dilakukan selepas ini dan bukan meletakkan ia sebagai satu noktah dalam hidup," katanya yang turut menasihatkan perkara sama kepada pejuang kanser yang lain.

Selepas setahun melakukan rawatan, Najmi mula melakukan aktiviti kecergasan yang digemarinya secara perlahan-lahan.

"Ketika memulakan kembali, saya masih menjalani rawatan kemoterapi tetapi di pusingan terakhir. Saya mula berjalan di sekitar taman perumahan bersama suami.

"Sedikit demi sedikit saya berbasikal pula. Akhirnya saya mendapat kembali stamina dan mula menyertai acara larian serta kejohanan sukan lasak yang diridukan. Saya meletakkan sasaran untuk menyertai acara larian 100 kilometer (km) pula selepas ini," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TUNGGU LAPORAN FORENSIK | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 30 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 18 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

KES EBIT LEW

# TUNGGU LAPORAN FORENSIK

Oleh Raja Noraina Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Beberapa lagi individu akan dipanggil bagi membantu siasatan kes rogol dan gangguan seksual membabitkan pendakwah bebas Ebit Lew, kata Timbalan Ketua Polis Negara Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay.

Beliau berkata, setakat ini seramai 10 individu termasuk Ebit Lew, wanita warga Indonesia, Mondy Tattoo dan penyanyi rap, Caprice disiasat.

"Ada lagi beberapa (individu) akan diambil keterangan untuk lengkapkan kertas siasatan.

"Ada perkara teknikal kita sedang tunggu termasuk laporan forensik. Apabila dah siap kita akan hantar kepada Jabatan Peguam Negara untuk tindakan lanjut," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas Majlis Serah Terima Tugas Pengarah dan Pengerusi Perkep Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur (Pulapol) di sini, semalam.

Sebelum ini, The Mondy dan Caprice membuat laporan polis berhubung gangguan seksual yang didakwa dilakukan pendakwa bebas terkenal di negara ini terhadap Mondy.

Ebit Lew atau nama sebenarnya Ebit Irawan Ibrahim Lew kemudian membuat laporan penafian berserta laporan fitnah di Balai Polis USJ 8, Subang Jaya.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain dilaporkan berkata, polis menerima laporan dibuat mangsa lima hari sebelum Ebit Lew membuat laporan penafian sejurus pulang dari luar negara.

Beliau dilaporkan berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan.



**"Ada lagi beberapa (individu) akan diambil keterangan untuk lengkapkan kertas siasatan"**

Mengenai siasatan terhadap Ahli Parlimen Ipoh Timur, Howard Lee Chuan How yang didakwa menghina agama Islam dengan mentafsir sendiri ayat al-Quran, Ayob berkata, kertas siasatan kes itu sedang dilengkapkan.

Katanya, polis sudah mengambil keterangan ahli parlimen terbabit di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak pada jam 3.30 petang, 26 September lalu.

"Dua laporan polis dibuat dan kes disiasat mengikut Seksyen 505(c) Kanun Keseksaan serta Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

"Polis dalam proses lengkapkan kertas siastan dan akan hantar pada Jabatan Peguam Negara," katanya.

Howard dilapor sudah membuat permohonan maaf secara terbuka atas tindakannya memetik ayat al-Quran dalam satu video di laman sosial.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 9 CHARGED WITH KIDNAPPING INDONESIAN | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 30 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

NO BAIL OFFERED

# 9 CHARGED WITH KIDNAPPING INDONESIAN

## They were seeking RM540,000 in ransom from her husband to settle business debt

AUDREY DERMAWAN
**GEORGE TOWN**
news@nst.com.my

NINE people were charged in the magistrate's court here yesterday with kidnapping an Indonesian and seeking RM540,000 in ransom early this month.

No pleas were recorded from Indonesians Yussuf Bahtiar, 33, and Agong Laksono, 29, as well as locals C. Youganathan, 32, Tan Gim Chun, 35, Lok Wai Lun, 39, Elaine Gooi Swee May, 33, Mohamad Noor Shahrizuan Hashin, 37, Noorazlin Mat Kasa, 41, and Haffizan Samsudin, 39.

They merely nodded to indicate they understood the charge, which was read to them in Bahasa Melayu before magistrate Nadratun Naim Mohd Saidi.

The nine were jointly charged with kidnapping Indonesian Fadilah Fauziah, with the intention to get a RM540,000 ransom, at a unit in Pangsapuri Sri Aman, Paya Terubong here about 7am on Sept 7.

They were charged under Section 3 of the Kidnapping Act 1961 (Act 365) read together with Section 34 of the Penal Code.

The offence carries a minimum 30 years' imprisonment and 40 years' maximum imprisonment and whipping upon conviction.

Deputy public prosecutor M. Darrshini urged the court not to offer bail.

"We urge the court to set a mention date pending medical reports and other related reports."

The nine were represented by Chiang Kian Hong.

Nadratun fixed Dec 11 for mention.

All the accused will be remanded until the mention date.

It was reported that an Indonesian woman's worst nightmare came true when a group of criminals kidnapped, locked up and tortured her for 10 days across multiple places in numerous states, including Penang.

Police previously said the victim, from Medan, was kidnapped by three men while here on a holiday with her three female friends.

The 36-year-old victim was kidnapped in Paya Terubong before being brought to Butterworth where she was locked up. Her three friends were, however, released unharmed mid-way by the suspects.

After the kidnapping, the suspects had asked the victim to contact her husband in Indonesia to settle a RM540,000 business debt.

The victim was locked up for three days in Butterworth, four days in Puchong and three days in Shah Alam. She was finally rescued from a house in Shah Alam after her 47-year-old husband lodged a police report.

The victim was found with injuries all over her body and was believed to have been chained, burned with cigarette stubs, pricked with needles, beaten, and had her hands and feet restrained with cable ties.

Police nabbed14 suspects in several locations in Selangor, Perak and Kuala Lumpur.

Among those detained were the mastermind, aged 35, nine local men, two local women and two foreign men, all of whom were aged between 23 and 70.



*No pleas were recorded from Indonesians Yussuf Bahtiar and Agong Laksono as well as locals C. Youganathan, Tan Gim Chun, Lok Wai Lun, Elaine Gooi Swee May, Mohamad Noor Shahrizuan Hashin, Noorazlin Mat Kasa and Haffizan Samsudin.* PIC BY MIKAIL ONG

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | FAMILY FACES LOAN SHARK TERROR | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | NEW STRAITS TIMES |
| TARIKH | : | 30 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

HUSBAND'S DEBT?

# FAMILY FACES LOAN SHARK TERROR

## Money lender based in Singapore has set fire to woman's home twice, threatened her kids

NURUL HIDAYAH BAHAUDIN
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my



*MCA Public Services and Complaints Bureau head Datuk Seri Michael Chong with the woman who claimed she is being hounded by loan sharks. The loan sharks set fire to her home after her husband allegedly cancelled a loan he had applied for from a money-lending website in Singapore.* PIC BY NURUL HIDAYAH BAHAUDIN

A 28-YEAR-OLD woman is living in fear because she is being hounded by loan sharks from Singapore, who set fire to her home in Karak, Pahang, on Sept 11 and 15.

The loan sharks, who were trying to recover debts incurred by her husband, had also threatened to "claim" the lives of her two children, aged 4 and 5, if she refused to pay them.

The woman, who wanted to be known only as Chong, said her nightmare began when she was contacted by a person who claimed to be a loan shark from Singapore on Sept 7.

The loan shark had informed the woman that her 29-year-old husband, known only as Kwan, had borrowed money from them.

"I contacted my husband, who has been working as a chef in Singapore for the past two years, to clarify the matter.

"My husband said he clicked on a moneylenders' website on social media to borrow S$10,000 in May, but he then cancelled the application," she said.

However, she said the loan shark was dissatisfied and insisted on a payment of S$2,000 for cancelling the application.

The woman, who is at her wits end, sought help from MCA Public Services and Complaints Bureau head Datuk Seri Michael Chong at Wisma MCA here recently.

Chong said the syndicate claimed that it had transferred S$300 into Kwan's account although he had not received any money.

The woman said her husband banked in S$200 into the account as ordered by the loan shark, but the latter then demanded for more money.

"After setting our house compound on fire, the loan shark demanded S$3,000 as 'fees' for hiring the arsonist," she said.

Her fears, she said, had driven her to quit her job as a clerk after the two incidents.

She said her mother-in-law and sister-in-law were also harassed by the loan shark, who used various handphone numbers to call them, including Singapore phone lines.

"We are living in terror and I dare not send my children to school for fear of their safety after the loan sharks said they would take away my children," she said, adding that three police reports had been lodged.

Her husband had also lodged a similar report in Singapore and had quit his job to return to Malaysia to be with the family.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | A MATTER OF URGENT CONCERN | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 30 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 01 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# A matter of urgent concern

## Sarawak behind Selangor, Kedah as states recording highest number of domestic violence cases, says minister

Jude Toyat

**KUCHING:** Sarawak had recorded a disturbing surge in domestic violence cases from 2020 to August this year, ranking it behind Selangor and Kedah as among the states with the highest number of such cases in the country.

This data was obtained from the Royal Malaysia Police (PDRM), said Minister of Women, Family and Community Development Datuk Seri Nancy Shukri.

"Sarawak became the third highest state after Selangor and Kedah in the number of domestic violence cases recorded from 2020 to August this year, with 2,192 cases," she said during the 'Program Semarak Skuad Waja Negeri Sarawak' here yesterday, describing the statistics as 'a worrying trend'.



**Sarawak became the third highest state after Selangor and Kedah in the number of domestic violence cases recorded from 2020 to August this year, with 2,192 cases.**

Datuk Seri Nancy Shukri

"According to the PDRM statistics, the total number of domestic violence cases across the country had reached 22,908 cases, from 2020 to August this year.

"In 2020, there were 5,260 cases reported, while in 2021, the number increased to 7,468.

"In 2022, the number of cases reported went down to 6,540."

In this regard, Nancy said despite the decline last year, the number of domestic violence cases in Sarawak remained high.

"For this year until August, 3,640 cases have been recorded nationwide."

In this respect, she emphasised that combating violence against women was not solely the government's responsibility, but a collective effort that must be shouldered by the entire local community.

She added that as a positive step towards addressing this issue, the Skuad Waja was formed with the aim of empowering communities through psychosocial guidance and community activities, encompassing the aspects of balance, finances, skills, and leadership.

According to Nancy, the Skuad Waja had registered 328,558 members since its inception in 2021 right until December last year, comprising 253,973 men and 74,585 women.

"This 'squad' has provided support to communities, with a total of 1,012 psychosocial programmes conducted."

Meanwhile, Nancy said the objective of the 'Program Semarak Skuad Waja' for this year would be to expand the implementation and role of the squad to community leaders throughout Sarawak.

"I hope that this program could benefit the people of Sarawak, especially in providing awareness and protection to women from any form of violence and discrimination," added the federal minister.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | COMMUNITY LEADERS TO AID VICTIMS OF DOMESTIC VIOLENCE | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE BORNEO POST |
| TARIKH | : | 30 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



Nancy (seated, centre) in a photo-call with participants of the 'Program Semarak Skuad Waja Negeri Sarawak' in Kuching. — Photo by Kong Jun Liung

# Community leaders to aid victims of domestic violence

Jude Toyat

> We have requested KKDW to include this important aspect of addressing violence within the scope of KMKK's duties, and it has been approved by the ministry.
>
> Datuk Nancy Shukri

**KUCHING:** Community leaders and village chiefs (KMKK) will be empowered to help manage and report cases of domestic violence and sexual harassment for early intervention, said Minister of Women, Family and Community Development Datuk Nancy Shukri.

She said her ministry had been working with the Ministry of Rural and Regional Development (KKDW) to define the roles and responsibilities of the community leaders in combating such cases.

"We have requested KKDW to include this important aspect of addressing violence within the scope of KMKK's duties, and it has been approved by the ministry.

"We started in Sepang, Selangor. This initiative aims to address issues that directly involve local communities. The KMKK will be provided with guidance on how to respond when cases of violence occur within their jurisdiction," she told reporters after officiating at the 'Program Semarak Skuad Waja Negeri Sarawak' here yesterday.

She said this initiative would be implemented throughout the country.

"Our ministry has to write letters to each state because KMKK is under the state governments.

"Normally, if something happens in the village such as violence, husband and wife or family fighting including land issues, they will refer to the community leader and therefore, it is important for us to give guidance to KMKK.

"Therefore, we have created a directory of phone numbers involving people under the KMKK jurisdiction," she said, adding that this would also be done jointly with the Welfare Department.

Regarding domestic violence and sexual harassment involving men, Nancy said it also occurred but the percentage of victims was lower.

"The statistics of victims involving men is relatively low and it may be due to certain factors such as shyness to report. However, I would like to remind the victims not to be afraid to report as there is a law that protects them," she added.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | PAKB: PROVIDE BIGGER PROVISION FOR CHILDHOOD EDUCATION SECTOR | | |
| HARI : | SABTU | AKHBAR : | THE BORNEO POST |
| TARIKH : | 30 SEPT 2023 | M/SURAT : | 04 |
| TONE : | POSITIF | SEKTOR : | KPWKM |

# PAKB: Provide bigger provision for childhood education sector

**Yunus Yussop**

**BINTULU:** Childcare providers in Sarawak hope that the Budget 2024 would provide sufficient funds and resources for the country's early childhood care and education (ECCE) sector.

Persatuan Pengasuh dan Pendidik Awal Kanak- Kanak Bintulu (PAKB) chairperson Maraini Jaafar says this is crucial especially for childcare centres catering for middle- and low-income families.

"With bigger allocations and subsidies, these will provide teachers a decent minimum wage, better facilities for children, as well as support for young parents," said Maraini, who owns Taska Permata Kasih and Taska Penyayang Mama.

"The Singapore government can serve as a role model for a good quality of early childhood care and education," she added, citing the republic's systemic improvements in its pre-school education, especially in government funding and strategic policy development.

On government's childcare fee subsidy, she stressed the need for subsidy eligibility conditions to be reviewed and for the amount of subsidy to also commensurate with the rising cost of living.



Maraini Jaafar

**BUDGET 2024**
**WHAT WE HOPE FOR**

"This childcare fee subsidy ought to be raised from the current RM180 to RM250, and also be extended to all citizens," she said.

The Early Schooling Aid, Maraini said, should also be increased from RM150 to RM200.

"Under the early childcare assistance, a rebate of RM200 ought to be given to parents with a minimum of two children enrolled in a registered childcare centre.

"The government can also give special incentives to parents in the form of coupons or vouchers to help them in the purchase of milk and diapers."

Adding on, she believed that childcare centres and kindergartens should also benefit from this budget allocation for the quality enhancement of early childhood education sector.

"The grants or subsidies for these operators can be utilised for the upgrading of amenities, such as the installation of closed-circuit televisions (CCTVs)," she pointed out.

She said the government could be more effective by allocating specific funds for childcare centres and kindergarten operators, such as for facility upgrading; provision of nutritious food; staff training; and additional subsidies for centres with special needs children.

"The additional subsidies for centres with special needs children are crucial in order for the operators to hire trained teachers to help the children with special needs," said Maraini, adding its importance to achieve the zero-reject policy for children with special needs.

Meanwhile, on a personal note like any other Malaysian citizens, she expressed her hope that the government would continue to keep rising prices in check so as not to burden the people.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BEAUTY QUEEN APOLOGISES FOR BULLYING SCHOOLMATES | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 30 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 15 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Beauty queen apologises for bullying schoolmates

THE winner of the recent Miss Asia Pageant Malaysia 2023 has apologised for bullying some of her schoolmates in secondary school, reported *China Press*.

Luwe Xin Hui, 23, uploaded a video saying sorry to several of her victims on Thursday, four days after allegations of her bullying inundated the Instagram account belonging to Asia TV (ATV), the pageant's organiser.

"To Kang Jia, I must first apologise to you.

"I have once called you an 'Egyptian Pharaoh', but this was not a nickname I came up with.

"I understand that my apology will not change the harm I have done in the past, but I will carry the guilt with me in my heart and do better in the future," she said.

However, she denied allegations that she had beaten up other students, splashed them with water, or thrown their bottles into rubbish bins.

"I am saddened at these baseless allegations," she said.

Luwe also admitted that she was expelled from secondary school.

Pageant organiser ATV had earlier issued a statement that it rejects any form of bullying and discrimination.

"We will take the allegations seriously and will ensure that the investigation will leave no stone unturned.

"We will take into account the voices of the various parties and ensure that justice will prevail," ATV said.

Right after Luwe was announced the winner on Sept 24, ATV's Instagram was flooded with comments from netizens claiming to be Luwe's victims.

They alleged that during secondary school, Luwe and her friends would slap them, lock them in the school toilets, and even pour water into their school bags.

Some of them claimed to have suffered from depression from Luwe's abuse.

It was reported that Luwe had beaten 14 other contestants to win the crown on Monday.

She will represent Malaysia in the finals in Shanghai, China, at the end of this year.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | THREE HOURS OF PAINFUL LABOUR IN HUBBY'S CAR | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 30 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 15 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Three hours of painful labour in hubby's car

A NURSE had to endure three hours of painful labour in her husband's car before finally giving birth at Sultanah Nur Zahirah Hospital (HSNZ) in Kuala Terengganu on the same day as Prophet Muhammad's birthday (Maulidur Rasul), *Sinar Harian* reported.

Mimi Azuani Mohd Lazim, 36, said she did not expect to give birth to her third child on Maulidur Rasul, as the baby's due date was on Oct 3.

She said she experienced contractions around 4pm and immediately decided to stop at HSNZ on her way back home from Johor Baru to Bachok, Kelantan.

"While passing the East Coast Expressway 2 near Kijal, I had a stomach ache and felt like going to the toilet.

"I asked my husband to find a toilet in the rest and service area. However, I was still in pain and suspected I was about to give birth.

"The pain was unbearable and my husband took me straight to HSNZ," she told reporters at the hospital on Thursday.

Mimi Azuani said she arrived at the hospital at 6.50pm and was rushed to the delivery room where she gave birth to a baby girl weighing 3.4kg at 7.13pm.

Mohd Faizul Abdul Hadi, 38, said he was surprised by the situation and thought his wife would give birth at Universiti Sains Malaysia Hospital (HUSM) in Kubang Kerian, Kelantan.

"My two children, aged 11 and eight, were delivered at HUSM," he said.

> Social media influencer Khairul Aming says he is able to live debt-free by saving up his income and building a healthy financial safety net, *Sinar Harian* reported.

He added he invested his savings into his hot sauce business, which he started six years ago.

"I love investing in my business as it helps me make more money.

"I'm never stingy with my business and always respond to business requests from my staff.

"But whenever I try buying things for myself, I'm much more hesitant," he said in a viral TikTok post on Tuesday.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WOMAN'S BODY FOUND AFTER FIRE | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | THE STAR |
| TARIKH | : | 30 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Woman's body found after fire





**Community spirit:** Residents watching anxiously on a bridge while volunteers try to contain the blaze. — Photos courtesy of Pulau Ketam residents

## Blaze in Pulau Ketam also destroys houses, jetties and boats

**By WANI MUTHIAH and JUSTIN ZACK**
newsdesk@thestar.com.my

**KLANG:** A woman was found dead following a mid-morning blaze in Pulau Ketam which destroyed three houses, two jetties and five boats.

Selangor Fire and Rescue Department assistant director Ahmad Mukhlis Mukhtar confirmed the death of the 49-year-old victim, whose body was found at 10.05pm yesterday after a day-long search.

"The body was found at a house that had been destroyed by the fire," he said.

Earlier, Selangor Fire and Rescue Department director Wan Md Razali Wan Ismail said firefighters reached the scene at Bagan Teo Chew Pulau Ketam at 12.50pm.

"Preliminary reports showed that three houses, classified as a 'Class C building', were burnt up to 90%," he said.

Personnel from three fire stations were deployed to the scene, with teams from the Port Klang, Kota Raja and Andalas fire stations sent, while the Pulau Ketam Voluntary Fire Brigade (PBS) also assisted in firefighting efforts.

"A search and rescue operation was launched after family members failed to trace the woman," said Ahmad Mukhlis.

A good number of houses on the island are wooden structures.

According to Port Klang Fire and Rescue Station chief Razif Mohd Haris, who was at the scene, members of the Pulau Ketam Volunteer Firemen Association quickly swung into action.

"The members were trained by the Port Klang Fire and Rescue Department and hence, they acted accordingly," he said.

He said firemen drew seawater as well as used fire hydrants on the island to douse the fire.

"Three of the boats were completely destroyed while the other two were partially damaged," Razif said, adding that the victim is believed to have been alone at home.

Meanwhile, a resident who declined to be named, said volunteer firefighters faced difficulties in pumping water from the sea as the fire broke out during low tide.

"So, they used water from the water tanks of houses to douse the fire as well as to hose nearby houses to prevent the fire from spreading," he said.

Another local resident, Janice Lee, said the whole village was shaken by the incident as the island had never experienced such a big fire before.

"We have had fires in the past, but this is the first time so much damage took place.

"This is also the first time that boats were destroyed," Lee said, adding that she was thankful the volunteer firemen and residents managed to contain the fire.

"They saved the day as well as the island since the houses were all built close to each other, and the damage could have been worse," she added.

Chua See Wei, 29, who lived nearby, said she had been praying hard that the fire would not spread any farther.

"It was very windy earlier today, and that was why the fire spread to the boats.

"The tide was also very low, leaving the sea inaccessible to douse the fire. But luckily, we have been spared," said Chua.

Pulau Ketam houses and bridges are built on stilts over and around mangrove swamps, and the place is one of Selangor's top tourism spots, with residents mostly made up of members of the Hokkien and Teochew clans who are either fishermen or eatery operators.

WATCH THE VIDEO TheStarTV.com

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KANAK-KANAK HILANG DI SUNGAI KG HILIR DEBAK LAUT DITEMUI MENINGGAL DUNIA | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 30 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 01&02 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |



**TRAGIK:** Mangsa ditemui meninggal dunia setelah dilaporkan hilang di sungai Kampung Hilir Debak Laut pagi kelmarin.

# Kanak-kanak hilang di sungai Kg Hilir Debak Laut ditemui meninggal dunia

**BETONG:** Seorang kanak-kanak lelaki berusia enam tahun yang dilaporkan hilang di sungai Kampung Hilir Debak Laut di sini, ditemui meninggal dunia malam kelmarin.

Jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak berkata, mayat mangsa, Mohd Naqib Iman Nasriman ditemui kira-kira 700 meter dari lokasi terakhir mangsa dilihat.

Menurutnya, mangsa ditemui anggota Pasukan Bomba Sukarela (PBS) Debak dengan dibantu penduduk kampung sekitar jam 10 malam.

"Seterusnya mayat mangsa dibawa ke rumahnya di Kampung Hilir Debak Laut," katanya menerusi satu kenyataan.

Operasi mencari dan menyelamat (SAR) mangsa tamat sepenuhnya pada jam 11.20 malam.

Mangsa dilaporkan keluar rumah bersendirian pada jam 9.15 pagi kelmarin dan dilihat turun ke jeti perahu di sungai tersebut seorang diri.

## Kanak-kanak hilang di sungai Kg Hilir Debak Laut ditemui meninggal dunia

Dari Muka 1

Seorang saksi kejadian dilaporkan segera memaklumkan kepada keluarga mangsa yang kemudian bergegas ke tempat kejadian.

Bagaimanapun, hanya selipar dan baju mangsa sahaja ditemui ketika itu dan keluarganya terus membuat laporan kehilangan mangsa.

Operasi SAR yang disertai bomba, polis dan penduduk kampung dilancarkan sebaik sahaja laporan diterima.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PERANAN KMKK DIPERKASA BANTU LAPOR, TANGI ISU KEGANASAN RUMAH TANGGA | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 30 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Peranan KMKK diperkasa bantu lapor, tangani isu keganasan rumah tangga

**KUCHING:** Peranan ketua masyarakat dan ketua kaum (KMKK) akan diperkasa dalam membantu menangani serta melaporkan isu berkaitan keganasan rumah tangga dan gangguan seksual di kawasan masing-masing.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato Sri Nancy Shukri berkata, ini kerana kebanyakan isu berkaitan gangguan seksual dan isu keganasan rumah tangga ini akan dirujuk kepada ketua masyarakat.

Menurutnya, oleh itu pihaknya telah memohon kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) mengenai peranan dan skop di bawah isu keganasan ini yang melibatkan KMKK.

"Kita mohon ia dimasukkan ke dalam skop tugasan untuk KMKK dan dipersetujui oleh kementerian di mana sebelum ini kita sudah rasmi di Sepang, Selangor dan ia pertama kali dirasmikan.

"Ini kerana situasi berkenaan berlaku melibatkan orang tempatan dan oleh itu dalam direktori yang kita laksanakan, ia merujuk kepada pihak berkuasa sekiranya berlaku keganasan kes tertentu di tempat mereka dan apakah yang akan mereka lakukan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Program Semarak Skuad Waja Negeri Sarawak di Hotel UCSI di sini, semalam.

Nancy berkata, usaha ini akan dilaksanakan secara berterusan di seluruh negara.

"Untuk setiap negeri, kita (Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat) perlu menulis surat kepada setiap negeri kerana KMKK di bawah kerajaan negeri.

"Biasanya, sekiranya berlaku sesuatu di dalam kampung seperti keganasan, bergaduh suami isteri atau keluarga termasuk isu tanah, mereka akan merujuk kepada ketua masyarakat dan oleh itu penting untuk kita memberi panduan kepada KMKK.

"Oleh itu, kita buat direktori akan diberi nombor telefon melibatkan masyarakat di bawah bidang kuasa KMKK," jelasnya sambil menambah, tindakan ini juga akan dilakukan secara bersama dengan Jabatan Kebajikan Negeri.

Mengenai keganasan rumah tangga dan gangguan seksual melibatkan lelaki, nancy memberitahu bahawa ia juga berlaku namun peratusan jumlah mangsa kurang.

"Statistik mangsa yang melibatkan lelaki agak kurang dan ia mungkin sebabkan oleh faktor-faktor tertentu seperti segan untuk melaporkan.

"Bagaimanapun, saya mengingatkan agar sekiranya menjadi mangsa, mereka tidak perlu takut untuk melaporkan kerana ada undang-undang yang melindungi," ujarnya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SARAWAK KETIGA TERTINGGI KES KEGANASAN RUMAH TANGGA | | | |
| HARI | : | SABTU | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 30 SEPT 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Sarawak ketiga tertinggi kes keganasan rumah tangga

## Menurut statistik, 2,192 kes dicatatkan dari tahun 2020 hingga Ogos 2023, ketiga terbanyak selepas Selangor dan Kedah

Oleh Hamkar Sarbinee

**KUCHING: Sarawak merupakan negeri ketiga yang merekodkan jumlah kes tertinggi berkaitan keganasan rumah tangga di negara ini selepas Selangor dan Kedah.**

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato Sri Nancy Shukri berkata, ia merupakan data dan statistik yang diperolehi menerusi Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada tahun 2020 hingga Ogos 2023.

"Berdasarkan statistik PDRM, kes keganasan rumah tangga seluruh negara mencatat jumlah sebanyak 22,908 kes sejak 2020 hingga Ogos 2023.

"Terdapat peningkatan kes yang tinggi pada tahun 2021 iaitu sebanyak 7,468 kes berbanding pada 2020 yang mencatat sebanyak 5,260 kes," ujarnya..

Beliau berkata demikian semasa berucap menyempurnakan Program Semarak Skuad Waja Negeri Sarawak di Hotel UCSI di sini, semalam.

Nancy memberitahu, bagi tahun 2022, jumlah kes keganasan rumah tangga masih tinggi walaupun menunjukkan sedikit penurunan iaitu kepada 6,540 kes dan bagi tahun ini hingga Ogos 2023, sebanyak 3,640 kes direkodkan.

"Negeri Sarawak menjadi negeri ketiga tertinggi selepas Selangor dan Kedah dalam jumlah kes keganasan rumah tangga dari tahun 2020 hingga Ogos 2023 iaitu dengan 2,192 kes," jelasnya.

Sehubungan itu, katanya tanggungjawab untuk membanteras keganasan terhadap wanita ini bukan hanya terletak di bahu kerajaan semata-mata.




PERJELAS: Nancy (dua kiri) pada sidang media selepas menyempurnakan Program Semarak Skuad Waja Negeri Sarawak di Hotel UCSI, Kuching semalam. — Gambar Kong Jun Liung

"Sebaliknya ia merupakan tanggungjawab bersama yang harus dipikul oleh semua pihak termasuk masyarakat setempat," tegasnya.

Mengenai Skuad Waja, Nancy berkata ia dibentuk untuk memperkasa komuniti melalui program bimbingan psikososial dan aktiviti dalam komuniti yang merangkumi aspek keseimbangan, kewangan, kemahiran dan kepimpinan.

> "Sebaliknya ia merupakan tanggungjawab bersama yang harus dipikul oleh semua pihak termasuk masyarakat setempat."
>
> **Dato Sri Nancy Shukri**
> *Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*

Katanya, Skuad Waja mempunyai seramai 328,558 orang ahli sejak penubuhannya pada 2021 hingga Disember 2022 iaitu 253,973 lelaki dan 74,585 wanita.

"Melalui keahlian yang ramai ini, ahli Skuad Waja telah menyantuni masyarakat dan komuniti di mana sebanyak 1,012 program psikososial Skuad Waja telah dilaksanakan," katanya lagi.

Dalam pada itu, Program Semarak Skuad Waja dilaksanakan tahun ini diadakan untuk menyebar luas pelaksanaan dan peranan skuad waja kepada pemimpin komuniti peringkat Sarawak.

"Saya berharap agar program ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat Sarawak terutamanya dalam memberi kesedaran dan perlindungan kepada wanita daripada sebarang bentuk keganasan dan diskriminasi," ujarnya.